# PANDUAN PUASA

(Panduan mencapai kesempurnaan puasa mengikut al-Quran dan as-Sunnah)

**USTAZ AHMAD ADNAN BIN FADZIL**

بسم الله الرحمن الرحيم، والحمد لله رب العالمين، وصلى الله وبارك على محمد وعلى آله وأصحابه وسلم تسليما كثيرا، اللهم أرنا الحق حقا وارزقنا اتباعه وأرنا الباطل باطلا وارزقنا اجتنابه ولا تجعله ملتبسا علينا فنضل، وبعد:

**Apa makna puasa?**

Puasa menurut pengertian bahasa bermaksud menahan dari sesuatu sama ada menahan dari bercakap, makan atau sebagainya.

Adapun puasa menurut pengertian Syara' (yakni puasa yang disuruh Allah supaya dikerjakan oleh setiap orang Islam) ialah; "Menahan diri dari makan, minum dan jimak (persetubuhan) dengan niat yang ikhlas kepada Allah.[1]

Masa berpuasa ialah dari terbit fajar Sodiq (iaitu fajar yang menandakan masuknya waktu subuh) hinggalah terbenam matahari (iaitu masuknya waktu maghrib).

**Berapa jeniskah puasa?**

Puasa melihat kepada hukumnya ada beberapa jenis;

1. Puasa yang wajib. Ia ada beberapa jenis pula;
Pertama; puasa yang diwajibkan Allah dengan ditetapkan hari-harinya iaitulah puasa Ramadhan.
Kedua; puasa yang diwajibkan kerana sebab-sebab tertentu sebagai hak (kewajipan) terhadap Allah, iaitu lah puasa Kaffarah yang merangkumi kaffarah sumpah, kaffarah zihar, kaffarah membunuh secara tersalah dan sebagainya.
Ketiga; puasa yang diwajibkan oleh individu itu sendiri ke atas dirinya, iaitu lah puasa nazar.

2. Puasa yang disunatkan; seperti puasa isnin dan kamis, puasa tiga hari setiap bulan dan sebagainya.

3. Puasa yang diharamkan; seperti puasa hari raya dan sebagainya.

4. Puasa yang dimakruhkan; seperti puasa sepanjang hari.

**Apa hukum puasa Ramadhan?**

Puasa di bulan Ramadhan adalah wajib.

---

[1] Tafsir Ibnu Kathir; Surah al-Baqarah, ayat 183.

**Apa hukum orang Islam yang meninggalkan puasa Ramadhan?**

Puasa di bulan Ramadhan adalah salah satu rukun Islam. Ia wajib berdasarkan al-Quran, as-Sunnah dan Ijmak ulamak. Firman Allah (bermaksud); "Bulan Ramadan, bulan diturunkan al-Quran di dalamnya, menjadi petunjuk bagi manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan pembeza (antara hak dan batil). Maka sesiapa dari kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), hendaklah ia berpuasa di bulan itu…" (al-Baqarah, ayat 185). Nabi s.a.w. bersabda; "Islam itu terbina di atas lima perkara;
1. Bersaksi bahawa tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah,
2. Mendirikan solat,
3. Menunaikan zakat,
4. Mengerjakan haji,
5. Berpuasa di bulan Ramadhan".
(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Ibnu 'Umar r.a.)

Sesiapa meninggalkan puasa Ramadhan –tanpa sebarang keuzuran-, ia adalah fasiq dan berdosa besar. Ia wajib mengqadhanya sebanyak hari yang ditinggalnya. Namun mengqadha sahaja tidak memadai kerana Nabi s.a.w. bersabda; "Sesiapa yang berbuka puasa dengan sengaja di bulan Ramadhan tanpa kelonggaran (yang diberikan Allah) dan tanpa kerana sakit, puasa sepanjang masa pun tidak akan mampu menggantikan (puasa yang ditinggalkan itu) walaupun ia melakukannya" (Riwayat Imam Bukhari, Abu Daud, Tirmizi dan lain-lain dari Abu Hurairah r.a.). Kerana itu, qadha itu wajib diiringi dengan taubat nasuha iaitu menghadirkan penyesalan di dalam hati kerana keterlanjuran meninggalkan kewajipan Syarak dan berazam tidak akan mengulangi lagi buat selamanya.

**Apa hukum orang Islam yang mengingkari kewajipan puasa Ramadhan?**

Ia murtad dari agama kerana kewajipan puasa adalah termasuk dalam perkara-perkara yang sedia dimaklumi dalam agama. Wajib atas pemerintah memperlakukannya sebagaimana seorang yang murtad iaitu hendaklah diminta supaya ia bertaubat dan kembali berpuasa. Jika ia enggan bertaubat, hendaklah dikenakan hukuman had ke atas orang yang murtad iaitu dibunuh.

**Apakah syarat-syarat sahnya puasa?**

1. **Islam**; tidak sah puasa orang kafir atau orang yang murtad dari agama.

2. **Berakal**; tidak sah puasa orang gila dan juga kanak-kanak yang belum mumayyiz kerana puasa memerlukan niat dan niat ini hanya boleh dilakukan oleh orang-orang yang berakal sahaja.

3. **Bebas dari haid dan nifas**; tidak sah puasa orang yang kedatangan haid dan nifas, malah diharamkan mereka berdua berpuasa.

4. **Puasa dilakukan pada hari-hari yang diharuskan berpuasa**; hari-hari sepanjang tahun merupakan waktu yang harus berpuasa kecuali dua hari raya, hari-hari tasyrik dan hari syak.

**Apa hukum puasa kanak-kanak?**

Kanak-kanak apabila telah mumayyiz, sah lah puasanya tetapi belum wajib. Apabila sampai umurnya tujuh tahun, ibu-bapa atau penjaganya hendaklah melatihnya berpuasa –jika tiada sebarang halangan- sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis baginda mengenai solat. Apabila ia mencecah usia baligh, wajib lah atasnya berpuasa.[2]

**Siapa yang diwajibkan puasa?**

**1. Orang yang telah baligh;** tidak wajib puasa ke atas kanak-kanak yang belum baligh. Namun digalakkan berpuasa jika telah mencapai umur mumayyiz.

**2. Orang berakal waras;** tidak wajib puasa ke atas orang gila atau tidak siuman.

---

[2] Sabda Nabi s.a.w. (bermaksud); “Suruhlah anak-anak kamu menunaikan solat tatkala mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika enggan menunaikannya) tatkala mereka berumur 10 tahun. Pisahkanlah antara mereka (yakni antara anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan) pada tempat-tempat tidur mereka (ketika berumur 10 tahun itu)”. (Riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Hakim dari Abdullah Ibn ‘Amru r.a.)

**3. Tidak ada keuzuran;** keuzuran yang menggugurkan kewajipan puasa ada dua jenis;
a) Keuzuran yang menegah dari sahnya puasa
b) Keuzuran yang mengharuskan berbuka puasa.

**Apakah keuzuran yang menegah dari sahnya puasa?**

**1. Kedatangan haid atau nifas;** wanita yang kedatangan haid atau nifas pada mana-mana waktu di siang hari di bulan Ramadhan, batallah puasanya.

**2. Gila;** seorang yang menjadi gila pada mana-mana waktu di siang hari, maka batallah puasanya pada hari tersebut.

**3. Pengsan di sepanjang hari penuh;** jika ia tersedar pada mana-mana waktu di siang hari, maka hilang keuzurannya dan ia wajib menahan diri (yakni berpuasa) dalam waktu yang masih tinggal.

**Apakah tidur akan membatalkan puasa?**

Tidur tidak membatalkan puasa sekalipun seseorang itu tidur sepanjang hari.

**Adakah mabuk membatalkan puasa?**

Orang mabuk hukumnya sama seperti orang pengsan di mana jika seseorang berniat puasa lalu ia meminum ubat –sebagai contohnya-, kemudian hilang akalnya (yakni mabuk) pada siangnya dengan sebab ubat itu, maka jika tersedar pada mana-mana waktu pada siang tersebut, sahlah puasanya. Jika tidak, batallah puasanya dan wajib atasnya qadha'. Begitu juga, seorang yang minum arak pada waktu malam, kemudia ia kekal mabuk sepanjang hari, maka batallah puasanya dan wajib atasnya qadha'. Jika ia sedar pada mana-mana waktu pada siang hari, maka hukumnya sama seperti seorang yang pengsan hanya pada sebahagian hari.

**Apakah keuzuran-keuzuran yang mengharuskan berbuka puasa?**

**1. Sakit;** orang yang sakit di mana puasa mendatangkan kepayahan baginya atau boleh menambah kesakitan atau menyebabkan lambat

sembuh,[3] harus baginya berbuka puasa. Jika dibimbangi boleh membawa maut, wajiblah ia berbuka. Begitu juga, harus berbuka bagi orang sihat jika dengan berpuasa dibimbangi akan menimbulkan penyakit.[4]

**2. Musafir;** orang yang berada perjalanan atau permusafiran dan jarak perjalanannya mengharuskan qasar dan jamak,[5] harus ia berbuka puasa,[6] namun mengekalkan puasa adalah lebih baik.

**3. Tidak mampu berpuasa;** sama ada kerana tua atau kerana sakit yang tidak ada lagi harapan untuk sembuh atau kerana hamil atau menyusukan anak, dan sebagainya.

Orang-orang yang memiliki keuzuran seperti di atas, gugur kewajipan puasa dari bahunya. Harus baginya berbuka puasa, namun wajib diganti dengan puasa pada hari lain (apabila hilang keuzuran nanti). Kecuali jika sakit atau keuzurannya berterusan hingga bila-bila, maka diberi kelonggaran kepadanya untuk menggantinya dengan fidyah. Firman Allah (bermaksud);

"Maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang ia berbuka itu) pada hari-hari yang lain, dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin" (Surah al-Baqarah, ayat 184)

---

[3] Iaitu berdasarkan dzan ghalibnya atau pengalamannya atau makluman dari doctor muslim yang siqah (Fiqh al-'Ibadah, Hasan Ayyub, hlm. 446)
[4] Iaitu berdasarkan dzan ghalibnya atau pengalamannya atau makluman dari doctor muslim yang siqah (Fiqh al-'Ibadah, Hasan Ayyub, hlm. 446)
[5] Iaitu dua marhalah (85 KM berdasarkan kiraan hari ini) mengikut mazhab Syafi'ie. Disyaratkan juga –dalam mazhab Syafi'ie- musafir itu untuk tujuan yang harus dan musafir itu memakan masa sepanjang hari penuh. Jika di waktu pagi ia masih belum musafir (yakni ia berpuasa kerana masih mukim), kemudian di tengahari barulah ia bermusafir, maka tidak harus baginya berbuka.
[6] Harus berbuka dengan makan atau dengan jimak di sisi Imam Malik, Abu Hanifah dan Syafi'ie. Di sisi Imam Ahmad; tidak harus dengan jimak. Jika seorang musafir berjimak di siang hari bulan Ramadhan, wajib atasnya Kaffarah pada pandangan beliau (Rahmatul-Ummah, hlm. 93).

**Bagaimana ditentukan masuknya bulan Ramadhan?**

Iaitulah dengan melihat anak bulan pada hari 29 Sya'ban. Jika anak bulan kelihatan, maka besoknya adalah permulaan Ramadhan. Jika tidak kelihatan, hendaklah digenapkan Sya'ban menjadi 30 hari dan hari berikutnya adalah permulaan Ramadhan. Ibnu 'Umar r.a. menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda;

"Jika kamu sekelian melihat anak bulan, berpuasalah. Jika pandangan kamu dihalang oleh awan/mendung, maka kirakanlah (bulan Sya'ban) menjadi 30 hari" (HR Imam Bukhari dan Muslim)

**Apakah syarat-syarat bagi orang yang mendakwa ia telah melihat anak bulan?**

Ia hendaklah seorang muslim, mukallaf (yakni baligh dan berakal) dan adil (yakni bertakwa dan menjaga muruah) tanpa mengira ia lelaki atau perempuan.[7] Ibnu 'Abbas pernah menceritakan bahawa Seorang A'rabi (Arab dari pedalaman) datang menemui Nabi s.a.w. dan berkata; "Sesungguhnya aku telah melihat anak bulan". Nabi bertanya kepadanya; "Apakah engkau telah bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah?". Jawabnya' "Ya". Tanya Nabi lagi; "Apakah engkau bersaksi bahawa Muhammad itu Rasul Allah?". Jawabnya; "Ya". Kemudian Nabi s.a.w. berkata kepada Bilal: "Wahai Bilal! Umumkanlah kepada manusia agar mereka berpuasa besok pagi" (Riwayat Imam Abu Daud, Tirmizi, an-Nasai dan lain-lain).

**Apakah yang disunatkan sebelum berpuasa?**

Disunatkan bersahur sama ada puasa yang ingin dilakukan itu puasa wajib atau puasa sunat. Sabda Nabi s.a.w.; "Bersahurlah kerana dalam sahur itu ada barakah" (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Anas r.a.).

---

[7] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 415.
Dalam menentukan masuknya bulan Ramadhan (yakni bermula puasa), harus dengan penyaksian seorang sahaja asalkan ia muslim dan adil. Namun dalam menentukan tamat puasa (yakni masuk bulan Syawal), wajib disaksikan oleh sekurang-kurangnya dua orang muslim yang adil, tidak cukup dengan seorang sahaja. (Lihat: Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, 7/191).

**Apa makna bersahur?**

Bersahur bermakna menikmati makanan sebelum terbit fajar sebagai persediaan untuk bepuasa. Pahala bersahur diperolehi dengan semata-mata makan atau minum walaupun seteguk air. Sabda Rasulullah; "Bersahurlah walaupun dengan seteguk air" (HR Ibnu Hibban dan Abu Ya'la dari Anas r.a.)

**Bila bermulanya waktu bersahur?**

Waktu bersahur bermula dari tengah malam dan berterusan hingga terbit fajar sodiq (yakni masuk waktu subuh). Sunat melambatkan sahur kerana Nabi s.a.w. bersabda; "Senantiasalah umatku berada dalam kebaikan selama mereka menyegerakan berbuka dan melambatkan sahur" (HR Imam Ahmad dari Abu Zarr r.a.).

Mengikut sunnah Nabi s.a.w., jarak masa terbaik antara berhenti bersahur dan masuk subuh ialah kira-kira tempoh membaca 50 ayat al-Quran. Ini sebagaimana hadis dari Anas r.a. yang diceritakan; Zaid bin Sabit r.a. berkata; "Kami bersahur bersama Nabi s.a.w., kemudian kami mengerjakan solat subuh". Aku (yakni Anas) berkata; "Berapa jarak masa antara azan subuh dan bersahur itu?". Zaid menjawab; "Kira-kira 50 ayat". (HR Imam al-Bukhari dan Muslim).[8]

**Apakah rukun-rukun puasa?**

Rukun puasa ada dua sahaja;
1. Berniat puasa
2. Menjaga dari perkara-perkara yang membatalkan puasa

**Apa makna berniat puasa?**

Niat puasa bermaksud *mengqasadkan* puasa iaitu berazam di dalam hati untuk melakukan puasa.

**Bilakah masanya kita perlu berniat puasa?**

Bagi puasa Ramadhan dan puasa-puasa wajib yang lain (iaitu puasa nazar dan kaffarah), disyaratkan niat dilakukan pada waktu malam

[8] Al-Wajiz Fi Fiqh as-Sunnah wa al-Kitab al-'Aziz, hlm. 202.

sebelum terbitnya fajar kerana Nabi s.a.w. bersabda; “Sesiapa yang tidak meniatkan puasa pada malam hari sebelum terbit fajar, maka tiadalah puasa baginya” (HR Imam Daruqutni dan Baihaqi dari Aisyah r.a.).

Bagi puasa sunat pula, tidak disyaratkan melakukan niat pada waktu malam. Harus berniat pada siang hari asalkan sebelum tergelincir matahari dari tengah langit (yakni sebelum masuk waktu solat zohor) dan sebelum melakukan sebarang perkara yang membatalkan puasa seperti makan, bersetubuh dan sebagainya. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah berniat puasa sunat di siang hari sebagaimana diceritakan oleh Aishah r.a.; suatu hari Nabi s.a.w. bertanya kepadanya; “Apakah ada pada kamu makanan untuk pagi ini?”. Jawab Aishah; “Tidak ada”. Lantas Nabi berkata; “Jika begitu, aku berpuasa hari ini” (HR Imam ad-Daruqutni)

**Adakah perlu menentukan jenis puasa di dalam niat?**

Bagi puasa wajib, wajib ditentukan (*dita’yinkan*) di dalam hati jenis puasa yang akan dilakukan besok hari sama ada puasa Ramadhan, Nazar atau Kaffarah. Jika diniatkan semata-mata puasa (tanpa menentukan jenisnya) tidak sah niat puasa itu.

Bagi puasa sunat, tidak diwajibkan menentukan jenis puasa di dalam niat untuk mensahkan puasa, namun untuk kesempurnaan puasa disyaratkan menentukannya khusus bagi bagi puasa-puasa sunat yang berwaktu (seperti puasa Isnin dan Khamis, puasa ‘Asyura, puasa enam hari dalam bulan Syawal dan sebagai) dan juga bersebab (seperti puasa minta hujan). Maka bagi puasa-puasa yang berwaktu dan bersebab itu supaya ia mendapat pahala yang sempurna, hendaklah ditentukan jenis puasa di dalam niat. Adapun puasa-puasa sunat yang mutlak (yakni yang tidak berwaktu dan bersebab), memadai berniat puasa sahaja tanpa perlu menentukan jenisnya.

**Adakah niat puasa Ramadhan wajib di ulang setiap malam? Adakah harus berniat untuk sebulan sekaligus?**

Mengikut pandangan jumhur ulamak (termasuk mazhab Syafi’ie); niat puasa wajib dilakukan pada setiap malam. Tidak memadai niat sekaligus untuk keseluruhan bulan Ramadhan. Namun mengikut mazhab Imam Malik; harus berniat puasa untuk sebulan sekaligus iaitu pada malam pertama Ramadhan.

Menurut mazhab Syafi'ie; digalakkan berniat puasa sebulan sekaligus itu tetapi bukanlah untuk mengelak dari berniat pada setiap malam. Ia hanya sebagai langkah berhati-hati jika ditakdirkan terlupa niat pada mana-mana malam dari Ramadhan. Dengan adanya niat sekaligus itu, dapatlah dielakkan dari terbatal puasa kerana terlupa itu iaitu dengan bertaklid kepada mazhab yang mengharuskan niat sekaligus itu. Kesimpulannya, menurut mazhab Syafi'ie; niat puasa wajib dilakukan pada setiap malam. Adapun niat puasa sekaligus itu hanyalah sebagai langkah berhati-hati.

**Apa hukum melafazkan niat dengan lidah?**

Tempat niat adalah dalam hati. Jadi melafazkan niat dengan lidah tidaklah menjadi syarat sahnya niat. Dalam mazhab Syafi'ie; melafazkan niat dengan lidah hukumnya sunat kerana ia membantu menghadirkan niat di dalam hati. Contoh lafaz niat puasa Ramadhan ialah;

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرْضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

"Sahaja aku berpuasa pada besok hari bagi menunaikan fardhu Ramadhan pada tahun ini kerana Allah Ta'ala".

**Kalau seorang bangun bersahur, apakah memadai untuk dikira sebagai niat?**

Ya, dengan syarat terdetik dalam hatinya bahawa tujuannya bersahur itu adalah untuk berpuasa Ramadhan pada besoknya. Ini kerana kebiasaannya perbuatan bangun bersahur itu lahir dari *qashad* (cita-cita/keazaman) untuk mengerjakan puasa.

**Apakah perkara-perkara yang membatalkan puasa?**

1. Makan dan minum dengan sengaja (ijmak ulamak);[9] berdalilkan pemahaman dari ayat Allah; "…maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam (kegelapan malam) iaitu waktu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib)…". (al-Baqarah; 187)

---

[9] Ijmak ulamak (Bidayatul-Mujtahid, Ibnu Rusyd, 1/381).

2. Bersetubuh dengan isteri pada pada siang hari bulan Ramadhan walaupun tanpa keluar mani (ijmak ulamak);[10] berdasarkan pemahamana dari ayat di atas.

3. Muntah dengan sengaja walaupun sedikit (berdasarkan pandangan Imam Malik dan Syafi'ie); berdalilkan hadis Nabi s.a.w.; "Sesiapa yang terpaksa muntah, maka (tidaklah batal puasanya dan) ia tidak wajib mengqadha' dan sesiapa yang sengaja muntah, maka (batallah puasanya dan) ia wajib mengqadhanya" (HR Imam Abu Daud, Tirmizi, an-Nasai dan lain-lain dari Abu Hurairah r.a.). Mengikut pandangan Imam Abu Hanifah; tidak batal puasa kecuali banyak (penuh mulut). Jika muntah berlaku tanpa sengaja tidak batal puasa dengan ijmak ulamak.[11]

4. Kedatangan haid dan nifas (ijmak ulamak);[12] wanita apabila kedatangan haid atau nifas, maka batallah puasanya dengan sendirinya. Kemudian wajib ia menggantikan puasanya pada hari-hari lain di luar Ramadhan.

5. Mengeluarkan air mani dengan perbuatan secara lansung yang disengajakan seperti mengeluar dengan tangan (sama ada tangan sendiri atau tangan isteri), bercium atau berpelukan dengan isteri dan sebagainya. Adapun jika keluar mani kerana melihat atau berfikir/khayal, tidaklah membatalkan puasa –kerana ia seumpama mimpi- kecuali orang yang menjadi kebiasaan baginya.[13] Namun begitu perbuatan tersebut adalah makruh. Begitu juga, jika yang keluar adalah air mazi, tidaklah membatalkan puasa.[14]

6. Memasukkan sesuatu bukan makanan melalui saluran terbuka yang menyampai ke rongga perut, yakni memasukkan melalui mulut atau hidung. Perkara ini membatalkan puasa mengikut mazhab

---

[10] Ijmak ulamak (Bidayatul-Mujtahid, 1/381).

[11] Berdasarkan mazhab Malik dan Syafi'ie. Menurut Imam Abu Hanifah; tidak batal puasa kecuali kalau penuh mulut. (Rahmatul-Ummah, hlm. 92).

[12] Al-Wajiz Fi Fiqh as-Sunnah Wa al-Kitab, Syeikh Abdul-'Adziem bin Badawi al-Khalfi), hlm. 201.

[13] Mengikut mazhab Syafi'ie dan Hanafi. Adapun mengikut mazhab Hanbali dan Malik; batal puasa jika keluar mani dengan berfikir, berkhayal dan melihat gambar (al-Wajiz (Dr. Wahbah), 1/341-342, al-Mughni, 3/81).

[14] Fiqh as-Sunnah, 1/326, Bidayatul-Mujtahid, 1/382, Rahmatul-Ummah, hlm. 93. Itu adalah pandangan Syafi'ie dan Hanafi. Adapun Malik dan Ahmad; batal puasa. (lihat; al-Wajiz (Dr. Wahbah), 1/342, al-Mughni, 3/80).

Syafi’ie, Malik dan jumhur ulamak dengan mengkiaskannya kepada makanan dan minuman.[15]

7. Memasukkan ubat melalui lubang dubur; membatalkan puasa mengikut jumhur ulamak kecuali mazhab Abu Hanifah, Imam Malik (mengikut satu pandangannya) dan Imam Daud.[16]

8. Menitikkan air atau ubat ke dalam lubang telinga membatalkan puasa di si jumhur ulamak.[17] Begitu juga, memasukkan kayu ke dalam telinga membatalkan puasa mengikut mazhab Syafi’ie.[18]

9. Menitik air dan ubat ke lubang kencing membatalkan puasa menurut Imam Syafi’ie.[19]

10. Menyedut ubat melalui hidung batal puasa mengikut mazhab Syafi’ie[20] dan Ahmad. Menurut Imam Malik; tidak batal puasa kecuali jika jatuh ke dalam kerongkong.[21]

---

[15] Bidayatul-Mujtahid, 1/381 dan Fiqh as-Sunnah, 1/326.

[16] Rahmatul-Ummah, hlm. 92, al-Wajiz, 1/342.
Menurut Imam Ibnu Hazm; Memasukkan ubat melalui lubang dubur, menitik air/ubat melalui saluran kencing atau telinga, menyedut ubat melalui hidung, bercelak, merawati luka yang menembus ke perut dan luka yang sampai ke dalam kepala; semuanya tidak membatalkan puasa kerana ia tidak tergolong dalam pengertian makan dan minum. Kata beliau; “Sesungguhnya kita ditegah Allah ketika sedang berpuasa dari makan, minum, jimak, sengaja muntah dan melakukan maksiat. Tidak pernah kita mengetahui bahawa makan dan minum boleh melalui dubur atau saluran kencing atau telinga atau mata atau hidung atau luka yang menembusi ke perut dan ke kepala. Kita tidak ditegah sekali-kali dari memasukkan sesuatu ke rongga dalam –selain dari makan dan minum- selama ia tidak diharamkan (oleh nas Syarak) ke atas kita”. (al-Muhalla, 4/348).

[17] Batal puasa di sisi jumhur kecuali mazhab Hanafi (al-Wajiz, 1/342).

[18] Al-Wajiz, 1/343.

[19] Menurut jumhur ulamak; menitik ubat/air ke dalam saluran zakar tidak batal puasa. Hanya mazhab Syafi’ie berpendapat; batal puasa. (al-Wajib, Dr. Wahbah, 1/342). Menurut penjelasan Imam Ibnu Qudamah; mengikut mazhab Hanbali dan Abu Hanifah; tidak batal puasa sama ada sampai ke pundi kencing atau tidak sampai. Menurut Syafi’ie; batal puasa. (al-Mughni, 3/80).

[20] Rahmatul-Ummah, hlm. 92.
Ketetapan umum dalam mazhab Syafi’ie; membatalkan puasa dengan memasukkan sesuatu ke rongga dalam badan (iaitu rongga halqum ke perut, rongga kepala (otak), usus dan pundi kencing) melalui saluran yang terbuka di badan. Sama ada benda yang dimasukkan itu kecil atau besar, makanan atau bukan makanan. Yang dimaksudkan saluran terbuka pada badan itu ialah mulut, hidung, telinga, kemaluan/faraj (saluran kencing) dan dubur (saluran berak).

[21] Al-Mughni, 3/76.

9. Pengsan sepanjang hari akan membatalkan puasa dengan disepakati sekelian ulamak.[22] Adapun tidur sepanjang hari tidak membatalkan puasa dengan ijmak juga.[23]

10. Gila; jika seseorang itu menjadi gila, batallah puasanya kerana ia telah hilang darinya kelayakan untuk beribadah.

11. Berbekam (mengeluarkan darah); batal puasa mengikut Imam Ahmad. Jumhur ulamak tidak membatalkannya.[24]

12. Berniat keluar dari puasa; batal puasa mengikut Imam Ahmad. Menurut Abu Hanifah, majoriti ulamak mazhab Maliki dan yang rajih dalam mazhab Syafi'ie; tidak batal puasa.[25]

**Adakah terlupa atau tidak sengaja akan membatalkan puasa?**

Jika semua perkara di atas dilakukan secara tidak sengaja tidaklah akan membatalkan puasa. Sabda Nabi s.a.w.; "Sesiapa yang terlupa tatkala ia berpuasa lalu ia makan atau minum maka hendaklah ia sempurnakan puasanya. Sesungguhnya Allahlah yang memberinya makan dan memberinya minum" (HR Imam Bukhari, Muslim dan lain-lain dari Abu Hurairah r.a.)

Baginda juga bersabda; "Sesiapa yang terpaksa muntah, maka (tidaklah batal puasanya dan) ia tidak wajib mengqadha' dan sesiapa yang sengaja muntah, maka (batallah puasanya dan) ia wajib mengqadhanya" (Riwayat Imam Abu Daud, Tirmizi, an-Nasai dan lain-lain dari Abu Hurairah r.a.)

**Bagaimana jika seseorang itu dipaksa makan; adakah puasanya akan batal?**

Menurut Imam Abu Hanifah dan Malik; batal puasa. Bagi mazhab Syafi'ie, ada dua qaul. Menurut Imam an-Nawawi; yang rajih ialah tidak batal puasa. Adapun mengikut Imam ar-Rafi'ie; yang rajih ialah batal puasa. Khilaf yang sama juga bagi seorang yang dipaksa bersetubuh seperti wanita yang dipaksa oleh suaminya. Menurut Imam Ahmad; jika yang dipaksa ialah makan, maka tidak batal

---

[22] Rahmatul-Ummah, hlm. 94.
[23] Ibid, hlm. 94.
[24] Rahmatul-Ummah, hlm. 92, Bidayatul-Mujtahid, 1/382.
[25] Rahmatul-Ummah, hlm. 92.

puasa. Tetapi jika yang dipaksa itu ialah jimak, maka batallah puasa.[26]

**Bagaimana jika seseorang itu tersilap menyangka fajar belum terbit lalu ia masih bersahur atau menyangka matahari telah terbenam lalu ia pun berbuka?**

Seorang yang menyangka fajar belum lagi terbit (yakni belum masuk waktu subuh), lalu ia meneruskan makan, minum, bersetubuh dengan isteri dan sebagainya (dari perkara-perkara yang membatalkan puasa di atas), tiba-tiba setelah beberapa minit kemudian ternyata padanya bahawa sangkaannya itu silap dan fajar sebenarnya telah pun terbit (yakni subuh telah masuk), batallah puasanya pada hari itu mengikut jumhur ulamak termasuk Imam-Imam mazhab empat. Wajib ke atasnya mengqadha puasa tersebut pada hari lain selepas Ramadhan. Walaupun begitu, untuk hari tersebut ia tetap wajib menahan dirinya dari makan, minum dan sebagainya sebagai menghormati bulan Ramadhan.

Begitu juga, jika orang yang menyangka matahari telahpun terbenam, lalu ia berbuka puasa dan kemudian ternyata bahawa sangkannya itu silap –yakni matahari belum lagi terbenam-, batallah puasanya. Wajib ke atasnya mengganti atau mengqadhakannya.

Imam Ishaq bin Rahawaih, ulamak-ulamak mazhab az-Zahiri, al-Hasan dan Mujahid menyanggahi pandangan jumhur di atas di mana menurut mereka; tidak batal puasa dan tidak perlu diqadha. Mereka meletakkan hukum bagi masalah ini sama seperti hukum orang yang makan kerana terlupa.[27]

**Apa yang perlu dilakukan oleh seorang yang sedang menikmati makan atau sedang bersetubuh lalu ia terdengar azan yang menandakan fajar subuh telah terbit?**

Hendaklah ia segera meluahkan makanan yang ada di dalam mulutnya sebelum masuk ke kerongkongnya.[28] Jika tidak diluahnya

---

[26] Rahmatul-Ummah, hlm. 94 dan 93.
[27] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 441, 'Aunul-Ma'bud, 4/438-439. Perhatikan perbahasan lengkap dalam kitab 'Aunul-Ma'bud, 4/438-439.
[28] Ini adalah pandangan jumhur ulamak. Ada ulamak berpandangan ia boleh terus makan jika makanan telah ada di tangannya. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w.; "Jika salah seorang dari kamu mendengar bunyi azan (subuh) sedang bekas air

sebaliknya terus ditelannya makanan itu, maka batallah puasanya. Begitu juga, jika ketika fajar sedang terbit ia masih dalam keadaan bersetubuh dengan isterinya, maka wajib ia mencabut zakarnya dengan segera. Dengan mencabutnya itu tidaklah batal puasanya sekalipun sesudah itu keluar mani. Namun jika ia tidak mencabutnya –yakni tidak menghentikan persetubuhannya dengan segera-, maka batallah puasanya. Bukan sekadar itu, wajib pula atasnya membayar kaffarah (iaitu berpuasa dua bulan berturut-turut) mengikut jumhur ulamak (Imam Malik, Syafi'ie dan Ahmad) kerana batal puasa itu berlaku dengan persetubuhan yang disengajakan. Mengikut mazhab Hanafi; ia wajib mengqadha puasa sahaja dan tidak wajib kaffarah.[29]

**Adakah batal puasa orang yang bersetubuh di malam hari, tetapi ia mandi junub selepas terbit fajar (yakni setelah masuk waktu subuh)?**

Tidak membatalkan puasa kerana yang membatalkan puasa ialah jika berlaku persetubuhan itu selepas terbit fajar. Adapun mandi janabah selepas terbit fajar, maka tidak memberi kesan apa-apa pada puasa. Saidatinia 'Aisyah r.a. dan Ummu Salamah r.a. pernah menceritakan bahawa; "Nabi s.a.w. pernah bangun pagi dalam bulan Ramadhan dalam keadaan berjunub kerana bersetubuh dengan isterinya. Baginda mandi dan kemudiannya berpuasa tanpa mengqadhanya". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Jadi bagi orang yang bersetubuh dengan isterinya, harus melewatkan mandi junub sehingga selepas terbit fajar (masuk waktu subuh). Begitu juga, bagi wanita yang terputus haidnya pada sebelah malamnya, tidak batal puasanya jika ia menangguh mandinya hingga selepas terbit fajar. Namun demikian, menyegerakan mandi dalam semua keadaan ini adalah disunatkan.

**Adakah mencium isteri di siang hari bulan Ramadhan membatalkan puasa?**

Tidak membatalkan puasa. Rasulullah s.a.w. pernah mencium isterinya pada siang hari di bulan Ramadhan. Saidatina A'isyah

telah berada di tangannya, janganlah ia letak bekas hingga ia selesaikan keperluannya dari bekas itu (yakni hingga ia minum dari bekas itu)" (HR Abu Daud dari Abu Hurairah r.a.). (Lihat; al-Wajiz Fi Fiqh as-Sunnah Wa al-Kitab al-'Aziz, hlm. 202).

[29] Rahmatul-Ummah, hlm. 93, Fiqh al-'Ibadat, hlm. 441.

menceritakan; “Rasulullah s.a.w. menciumku sedang ia berpuasa. Siapa di antara kamu yang berupaya mengawal keinginan dirinya sebagaimana Rasulullah berupaya mengawalnya?”.
(Riwayat Imam Muslim)

Namun kata ulamak; keharusan itu khusus bagi orang yang mampu menahan syahwatnya. Adapun orang yang tidak mampu, haram ia mencium atau mengucup isterinya di siang hari di bulan Ramadhan kerana dibimbangi akan membawa kepada persetubuhan atau terkeluar mani yang akan membatalkan puasanya.[30]

**Adakah harus berkumur dan membasuh hidung ketika sedang puasa?**

Harus tetapi jangan berlebihan kerana dibimbangi akan tertelan air. Sabda Nabi s.a.w.; “Lebihkanlah memasukkan air ke dalam hidung kecuali jika engkau berpuasa” (HR Imam Abu Daud dan Tirmizi dari Laqith ibn Shabirah r.a.).

Jika tertelan air kerana berlebih-lebihan berkumur atau membasuh hidung itu, batallah puasa. Jika seseorang itu berkumur secara sederhana sahaja –tanpa berlebihan- lalu ia tertelan air tanpa disengajaka, tidaklah batal puasanya.[31]

**Apa hukum mandi dengan niat menyejukkan bahadan ketika sedang berpuasa?**

Harus kerana diceritakan oleh seorang sahabat Nabi s.a.w.; “Kami telah melihat Rasulullah s.a.w. ketika berada di satu kampong Arab bernama al-‘Araj, baginda mencurah air ke atas kepalanya ketika baginda sedang berpuasa untuk meredakan dari lapar atau dari kepanasan” (HR Imam Abu Daud dan al-Hakim).[32]

---

[30] Rahmatul-Ummah, hlm. 93.
[31] Begitu juga dengan wanita yang mengunyah makanan untuk anaknya lalu tertelan atau orang yang merasa makanan lalu tertelan; menurut mazhab Syafi’ie tidak membatalkan puasa kerana tidak disengajakan. Namun menurut mazhab Maliki dan Hanafi; batal puasa. (Fiqh al-‘Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 440).
[32] Al-Wajiz Fi Fiqh as-Sunnah wa al-Kitab al-‘Aziz, hlm. 204.

**Adakah harus memberus gigi ketika sedang berpuasa?**

Harus kerana Nabi s.a.w. menggalakkannya pada setiap kali hendak mengambil wudhuk tanpa mengecualikannya pada bulan Ramadhan. Sabda baginda; "Seandainya aku tidak memberatkan umatku, nescaya aku perintahkan mereka bersiwak pada setiap kali wudhuk" (HR Imam Malik, Ahmad, Nasai dari Abu Hurairah r.a.)

Namun hendaklah berhati-hati agar jangan tertelan ubat gigi atau sisa-sisa makanan di celah gigi tidak termasuk ke dalam kerongkong kerana ia akan membatalkan puasa.

**Adakah harus bercelak ketika sedang berpuasa?**

Harus kerana 'Aisyah r.a. pernah menceritakan; "Rasulullah s.a.w. memakai celak dalam bulan Ramadhan ketika baginda sedang berpuasa" (HR Imam Ibnu Majah).

Begitu juga menurut ulama'; tidak membatalkan puasa **menitikkan ubat ke dalam mata** kerana mata bukanlah saluran yang terbuka (yang sampai ke rongga dalam badan yakni perut atau kepala).

**Apa hukum mengunyah-ngunyah sesuatu ketika sedang berpuasa tanpa menelannya?**

Hukumnya makruh. Namun jika benda yang dikunyahnya itu mencair atau tertanggal bahannya ke dalam air liur, lalu ditelan bersama air liur atau tertelan, batallah puasa.

Begitu juga, makruh mengunyah-ngunyah makanan kecuali jika tidak dapat dielakkan seperti untuk memberi makan anak yang masih bayi atau sebagainya, maka tidaklah makruh hukumnya. Tetapi hendaklah dipastikan makanan yang dikunyah itu tidak masuk bersama air liur ke dalam kerongkong kerana jika berlaku maka batallah puasa.[33]

**Apa hukum merasa makanan ketika sedang berpuasa?**

Merasa makanan tidaklah membatalkan puasa tetapi hukumnya makruh kecuali jika ada keperluan seperti tukang masak, membeli makanan untuk berbuka atau sebagainya. Namun setelah dirasa

[33] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 435 dan 437.

hendaklah diluahkan kerana jika tertelan masuk ke dalam kerongkong bersama air liur atau sebagainya akan batallah puasa.[34]

**Apa hukum membuang darah dari badan ketika sedang berpuasa seperti berbekam dan sebagainya?**

Tidak membatalkan puasa. Ibnu Abbas r.a. ada menceritakan bahawa; "Nabi s.a.w. pernah berbekam ketika beliau dalam keadaan ihram haji dan pernah berbekam semasa beliau berpuasa" (HR Imam Bukhari).

Namun hukumnya makruh jika dibimbangi akan melemahkan badan. Tsabit al-Bannani menceritakan; Anas bin Malik r.a. pernah ditanya; "Adakah kamu sekelian (yakni para sahabat Nabi s.a.w.) memakruhkan bekam ke atas orang berpuasa?". Jawab beliau; "Tidak, kecuali jika boleh melemahkannya".[35]

**Apa hukum menelan air liur?**

Menelan air liur sendiri yang masih di dalam mulut sekalipun banyak tidaklah membatalkan puasa. Adapun menelan air liur orang lain maka batallah puasa.

Namun jika air liur itu bercampur dengan benda yang lain, maka jika ditelah akan batallah puasa. Ini seperti seorang memilin benang yang berwarna dengan mulutnya, lalu bercampur air liurnya dengan pewarna benang itu kemudian ditelannya, maka batallah puasanya. Begitu juga batal puasa menelan air liur yang terkena najis -sebelum membasuhnya- seperti air liur yang bercampur dengan darah dari gusi. Namun kalau gusi selalu berdarah atau kebiasaannya mengeluarkan darah dan sukar memelihara darahnya maka darah yang seperti itu dimaafkan dan memadai dengan meludahnya sebagai ganti membasuhnya dan tidak diberatkan membasuhnya pada setiap waktu dan dimaafkan juga darah yang bercampur dengan air liur.

Begitu juga, batal puasa jika menelan air liur yang telahpun dikeluarkan dari mulut sekalipun masih melekat pada bibir.[36]

---

[34] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 436.
[35] Al-Wajiz Fi Fiqh as-Sunnah wa al-Kitab al-'Aziz, hlm. 204.
[36] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 435-436.

**Adakah menelan gelema atau dahak membatalkan puasa?**

Bagi masalah ini ulamak-ulamak berbeza pandangan; ada yang berkata ia membatalkan puasa dan ada yang berkata ia tidak membatalkan puasa.[37]

Adapun menurut mazhab Syafi'ie; gelema/dahak yang dikeluarkan dari dalam tekak, jika diludahkan keluar tidaklah membatalkan puasa. Namun jika gelema/dahak itu ditelan kembali selepas berada dalam mulutnya, maka batallah puasa. Adapun menyedut gelema dari kepala, jika terus masuk ke dalam kerongkong tanpa melalui perantaraan mulut, tidaklah membatalkan puasa. Namun jika disedut masuk ke mulut, kemudian ditelan maka batallah puasa. Jika diluahkan, maka tidak batallah puasa.

**Bagaimana dengan sisa-sisa makanan di gigi?**

Hendaklah dilihat pada dua keadaan;

1. Jika sisa-sisa makanan itu amat sedikit, sukar untuk dipisahkan dari air liur dan diludahkan, maka tidaklah membatalkan puasa jika tertelannya. Hukumnya sama seperti menelan air liur sendiri yang sukar untuk dielakkan.

2. Adapun jika sisa-sisa makanan itu banyak, boleh dipisahkan dari air liur dan diludahkan, maka jika diluahkan tidaklah membatalkan puasa. Jika ditelan, batallah puasa mengikut jumhur ulamak. Menurut Mazhab Hanafi; batal puasa jika kadarnya melebihi sebiji kacang. Jika kurang darinya, menelannya tidaklah membatalkan puasa, namun makruh.[38]

**Adakah melakukan suntikan melalui urat, menyuntik ke bawah kulit atau ke dalam daging badan akan membatalkan puasa?**

Tidak membatalkan puasa sama ada suntikan itu untuk tujuan pengubatan, taghziyah (iaitu memberi makanan seperti menyuntik vitamin, memasukkan air, kalsium dan sebagainya) atau membius.

[37] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 436.
[38] Rahmatul-Ummah, hlm. 92, Fiqh al-Ibadat, hlm. 436.

Ini adalah pandangan yang disepakati oleh imam-imam mazhab empat.[39]

Namun ada setengah ulama' semasa hari ini mengecualikannya dari suntikan makanan iaitu jika yang disuntik itu adalah bahan makanan seperti glukos atau sebagainya, maka batallah puasa kerana ia mengambil kedudukan seperti makan atau minum.

**Adakah debu-debu di jalan boleh membatalkan puasa?**

Jika debu jalan atau debu tepung –ketika sedang mengayaknya- masuk ke dalam ke dalam kerongkong tanpa disengajakan tidaklah membatalkan puasa kerana hal ini sukar dielakkan. Namun jika sengaja membuka mulut lalu masuk debu tersebut maka batallah puasa.[40]

**Adakah mencium bau-baun yang harum akan membatalkan puasa?**

Tidak membatalkan puasa.[41]

**Adakah menggunakan inhaler akan membatalkan puasa?**

Di kalangan ulamak semasa hari ini berlaku perbezaan pendapat;[42]

1. Sebahagian ulamak antaranya Syeikh 'Atiyah Saqar (ulamak al-Azhar, Mesir), Syeikh Dr. 'Ali Jumaah (ulamak al-Azhar dan mufti

---

[39] Berdasarkan fatwa Mufti Mesir yang lalu iaitu Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'ie. (Lihat; Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 434). Pandangan ini juga dipersetujui oleh Dr. Yusuf al-Qaradhawi kerana menurut penjelasan beliau; benda yang masuk melalui suntikan itu tidaklah masuk ke dalam badan melalui saluran terbuka dan ia juga tidak menafikan hikmah puasa iaitu berlapar dan menahan diri. (Lihat; 1000 Sualan wa Jawaban Lil-Mar-ah al-Muslimah, Mustafa Abu al-Ghait dan Islam Dirbalah, hlm. 100).

[40] Fiqh al-'Ibadat, hlm. 436.

[41] Pandangan Ibnu Taimiyyah (Lihat; Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 436).

[42] Rujuk; al-Fatawa Min Ahsanil-Kalam (Syeikh Atiyah Saqar, 2/18), Fatawa 'Ulama' Baladil-Haram (hlm. 201), al-Kalim at-Thaiyyib (Himpunan fatwa <Ufti Mesir Dr. Muhammad Ali Jumah, 1/109) dan rujukan internet; (http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-Arabic-Ask_Scholar/FatwaA/FatwaA&cid=1122528614200), (http://www.islamonline.net/servlet/Satellite?pagename=IslamOnline-Arabic-Ask_Scholar/FatwaA/FatwaA&cid=1122528613102) dan (http://www.islamic-fatwa.com/index.php?module=fatwa&id=31650).

Mesir sekarang), Dr. Ahmad al-Kurdi (anggota lujnah fatwa Kuwait) dan beberapa ulamak lagi berpandangan; semburan itu membatalkan puasa kerana ia memasukkan sesuatu ke dalam rongga terbuka yang bersaluran ke perut. Oleh demikian, orang yang menggunakan Inhaler batal puasanya, tetapi ia tidak berdosa kerana ada keuzuran (sakit) dan wajib ia mengganti puasanya pada hari lain selepas Ramadhan. Jika penyakitnya berpanjangan –tiada harapan sembuh di mana ia perlu berterusan menggunakan Inhaler itu-, tidak dituntut lagi ia berpuasa dan hendaklah ia mengantinya dengan membayar Fidyah kepada orang miskin.

2. Sebahagian ulamak yang lain pula berpandangan; penggunaan Inhaler itu tidak membatalkan puasa kerana semburan itu tidaklah sampai ke dalam perut, hanya sampai setakat dada sahaja. Orang yang menggunakannya tidaklah ia berniat makan dan minum, tetapi semata-mata untuk membuka rongga penafasanya. Oleh demikian, semburan Inhaler tersebut tidak termasuk dalam pengertian makan atau minum, maka tidak membatalkan puasa. Di antara ulamak yang berpandangan ini ialah Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Syeikh Bin Baz (bekas mufti Arab Saudi), Syeikh Muhammad bin Soleh al-‘Usaimin dan beberapa lagi. Selain itu, dalam perbincangan Fiqh berkenaan hal-hal pengubatan/rawatan kali ke 9 juga telah memutuskan bahawa pengunaan Inhaler tidak membatalkan puasa.

**Adakah harus membatalkan puasa dengan sengaja?**

Diharamkan ke atas orang yang berpuasa fardhu (sama ada puasa qadha’ Ramadhan, puasa nazar atau puasa kifarat) memutuskan puasanya -dengan berniat membatalkan puasa atau dengan berbuka- secara sengaja tanpa ada sebarang keuzuran. Adapun jika ia berpuasa sunat, maka harus baginya untuk memutuskan puasa sunatnya itu pada bila-bila masa dan tidak diwajibkan ia mengqadhakannya.[43] Namun memutuskan puasa dengan sengaja ini adalah makruh hukumnya. Sabda Rasulullah s.a.w.;

اَلصَّائِمُ الْمُتَطَوِّعُ أَمِيْرُ نَفْسِهِ: إِنْ شَاْءَ صَاْمَ وَإِنْ شَاءَ أَفْطَرَ

“Orang yang berpuasa sunat adalah pemimpin dirinya. Kalau dia mahu ia boleh meneruskan puasanya dan jika ia mahu ia boleh berbuka”.

---

[43] Hanya disunatkan sahaja ia mengqadhanya.

(Riwayat Imam Ahmad, Tirmizi dan Hakim dari Ummu Hani r.a.)

**Apakah hukum mencela orang lain, berdusta dan mengumpat ketika sedang berpuasa?**

Amat dimakruhkan, akan tetapi tidaklah akan membatalkan puasa. Hukum ini disepakati oleh ulamak kecuali Imam al-Auza'ie di mana ia berpandangan; batal puasa orang yang mengumpat, berdusta dan mencela orang semasa sedang berpuasa.

Maksud makruh di atas ialah akan mengurangkan pahala puasa dan mungkin menghapuskannya. Banyak orang berpuasa dan puasanya sah tetapi tidak berpahala.[44]

**Adakah melakukan maksiat membatalkan puasa?**

Menurut jumhur ulamak; melakukan maksiat hanya akan mengurangkan pahala puasa. Ia tidak lah akan membatalkan puasa selama orang yang melakukan maksiat itu tidak melakukan sebarang perkara yang membatalkan puasa sebagaimana disebut tadi.[45]

Imam Ibnu Hazm menyanggahi pandangan jumhur di atas di mana beliau berpendapat maksiat akan membatalkan puasa. Bagi beliau, jika seseorang itu berdusta, mengumpat, mengadu domba, meninggalkan solat, melakukan aniaya atau kezaliman dan sebagainya lagi dari perbuatan-perbuatan yang diharamkan, batallah puasanya. Beliau berdalilkan makna zahir dari beberapa hadis Nabi s.a.w. yang melarang melakukan melakukan dosa semasa sedang berpuasa, antaranya; "Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan melakukan pendustaan, maka bagi Allah tidak ada keperluan dalam ia meninggalkan makan dan minumnya (yakni Allah tidak berhajat kepada puasanya)" (Riwayat Imam Bukhari, Abu Daud, at-Tirmizi dan lain-lain dari Abu Hurairah r.a.).[46] Beliau menolak pandangan jumhur di atas yang berkata maksiat hanya menghilangkan pahala puasa bukan membatalkannya dengan menganggapnya sebagai pandangan yang lemah.[47]

---

[44] Rahmatul-Ummah, hlm. 91.
[45] Pandangan ini disokong Dr. al-Qaradhawi. (Lihat; 1000 Sualan wa Jawaban Lil-Mar-ah al-Muslimah, Mustafa Abu al-Ghait dan Islam Dirbalah, hlm. 99-100).
[46] Al-Muhalla, 4/304.
[47] Al-Muhalla, 4/306.

**Bagaimana caranya untuk mendapat pahala puasa yang sempurna?**

Nabi s.a.w. bersabda dalam satu hadisnya; “Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan melakukan pendustaan, maka bagi Allah tidak ada keperluan dalam ia meninggalkan makan dan minumnya (yakni Allah tidak berhajat kepada puasanya)” (Riwayat Imam Bukhari, Abu Daud, at-Tirmizi dan lain-lain dari Abu Hurairah r.a.).

Hadis di atas menjelaskan kepada kita bahawa puasa yang sebenar bukanlah hanya puasa zahir sahaja (iaitu dengan menegah diri dari makan, minum, bersetubuh dan sebagainya) tetapi juga berpuasa batin iaitu dengan menegah diri dari maksiat dan dosa. Seorang yang berpuasa di samping menjaga diri dari makan, minum dan sebagainya, ia juga mesti menjaga anggota-anggotanya dari dosa dan maksiat. Jika tidak ia tidak akan mencapai kesempurnaan puasa sebagaimana yang dikehendaki Allah.

Bagi menjelaskan lagi tuntutan puasa batin ini, Imam al-Ghazali membahagikan **darjat puasa** manusia kepada tiga bahagian;

1. **Puasa umum**: iaitu berpuasa dengan menahan perut dan faraj (kemaluan) dari menikmati keinginannya (makan, minum dan sebagainya).

2. **Puasa khusus**: iaitu berpuasa yang disertakan dengan menjaga pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki dan seluruh anggota dari melakukan yang haram atau dosa.

3. **Puasa *khususul khusus*** (paling khusus): iaitu berpuasa dengan menyertakan semua yang tersebut di atas dan menambah lagi dengan berpuasa hati dari segala cita-cita yang kotor dan pemikiran-pemikiran keduniaan dan memesongkan perhatian dari selain Allah sama sekali.

**Apakah yang disunatkan semasa berbuka puasa?**

1. Segera berbuka puasa iaitu sebaik sahaja diyakini terbenam matahari atau masuk waktu maghrib. Sabda Nabi s.a.w.; “Senantiasalah umatku berada dalam kebaikan selama mereka

menyegerakan berbuka dan melambatkan sahur" (Riwayat Imam Ahmad dari Abu Zarr r.a.).

Menjadi sunnah Nabi s.a.w. berbuka terlebih dahulu sebelum menunaikan solat. Anas r.a. menceritakan; "Rasulullah s.a.w. berbuka dengan beberapa butir tamar basar sebelum baginda menunaikan solat maghrib. Jika tidak ada tamar basah, baginda berbuka dengan tamar kering. Jika tidak ada sebarang tamar, baginda berbuka dengan meminum beberapa teguk air" (HR Imam Ahmad, Abu Daud dan at-Tirmizi. Menurut at-Tirmizi; hadis hasan soheh).

Melambat-lambat berbuka puasa hukumnya adalah makruh kecuali jika ada sebab yang tidak dapat dielakkan.

2. Disunatkan berbuka puasa dengan buah kurma basah. Jika tidak ada, dengan buah kurma kering. Jika tidak ada buah kurma, disunatkan berbuka dengan air. Sabda Nabi s.a.w.; "Sesiapa memperolehi buah tamar/kurma maka berbukalah dengannya. Sesiapa yang tidak memperolehinya, maka berbukalah dengan air kerana ia adalah penyuci" (Riwayat Imam Hakim, Tirmizi dan an-Nasai dari Anas r.a.).

3. Membaca doa ketika berbuka atau sesudahnya. Di antara doa yang dibaca oleh Nabi s.a.w. ketika berbuka ialah;

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ

"Ya Allah! BagiMu aku berpuasa dan dengan rezekiMu aku berbuka" (Berdasarkan hadis riwayat Abu Daud dari Mu'az bin Zuhrah).[48]

اَللَّهُمَّ ذَهَبَ الظَّمأُ، وابْتَلَّتِ العُرُوقُ، وَثَبَتَ الأَجْرُ إِنْ شاءَ اللَّهُ تَعالى

"Ya Allah! Hilanglah dahaga, basahlah seluruh urat tubuh dan tercapailah pahala insya Allah". (Riwayat Imam Abu Daud, Ad-Daruqutni, al-Hakim dan Ibnu Sunni dari Abdullah bin Umar r.a.)[49]

---

[48] Mu'az bin Zuhrah adalah Tabi'in. Oleh itu, hadis ini adalah mursal. (Lihat; tahqiq Syu'aib al-Arnaudh dan 'Abdul-Qadier al-Arnaudh dalam Zadul-Ma'ad, jil. 2, hlm. 51).

[49]Perawi-perawi hadis ini adalah siqah (dipercayai). Oleh itu, hadis ini dapat dipakai. (Lihat; tahqiq Syu'aib al-Arnaudh dan 'Abdul-Qadier al-Arnaudh dalam Zadul-Ma'ad, jil. 2, hlm. 52).

4. Di antara adab yang digalakkan oleh ulama' ketika berbuka puasa ialah tidak berlebihan ketika menikmati makanan. Makanlah dengan kadar sederhana sahaja, tidak terlalu banyak supaya tidak keletihan untuk menunaikan ibadah malam nanti (solat terawikh, tadarus al-Quran dan sebagainya). Kata ulama'; "Sesiapa yang kenyang di awal malam nescaya ia akan ketinggalan pada baki malamnya".

5. Sunat memberi makan atau minum kepada orang-orang yang berpuasa sekalipun dengan sebiji kurma atau seteguk air. Namun yang lebih baik ialah memberi makan sampai mengenyangkan mereka. Fadhilatnya ialah sebagaimana sabda Nabi s.a.w.; "Sesiapa yang memberi makanan berbuka puasa kepada orang yang berpuasa, maka pahalanya seumpama orang yang berpuasa itu tanpa berkurang sedikitpun" (Riwayat Imam Ahmad, Tirmizi dan Ibnu Majah dari Zaid bin Khalid r.a.).

Dan disunatkan juga makan bersama dengan orang yang berpuasa dan cara seperti ini lebih baik bagi menunjukkan rasa rendah diri.

***و الله ولي التوفيق والسداد***

**Rujukan dan bacaan**


1. *Al-Majmu'* (Jilid 6), Imam an-Nawawi, cet.. Maktabah al-Irsyad, Arab Saudi (1973)
2. *Bulughul Maram*, Imam Ibnu Hajar al'Asqalani, cet. Darul Hadith, Mesir (1993)
3. *Zadul Ma'ad*, Imam Ibnul Qayyim, cet. Muassasah ar-Risalah, Beirut (1994).
4. *Al-Iqna'*, Imam as-Syarbini al-Khatib, cet. Darus Salam, Mesir (1996)
5. *Al-Fiqh 'Ala Mazahib al-Arba'ah*, Syeikh 'Abdurrahman al-Jazairi, cet. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Lubnan (1990)
6. *Kifayatul Akhyar*, Imam Taqiyyuddin Abi Bakr al-Hushaini, cet. Darul Khair, Mesir (1991)
7. *Al-Fiqh al-Manhaji*, Dr. Musthofa al-Khin, Dr. Musthofa al-Bugha dan 'Ali as-Syarbaji, cet. Dar al-Qalam, Damsyiq (1991)
8. *Ibanatul Ahkam Syarh Bulughul Maram*, Syeikh Hasan Sulaiman an-Nawawi dan Syeikh 'Alawi 'Abbas al-Makki, cet. Darul Fikr (2000)
9. *Al-Mufasshal Fi Ahkamil Mar'ah*, Dr. 'Abdul Karim Zaidan, cet. Muassasah ar-Risalah, Lubnan (1994)
10. *Kitab ad-Dirasat al-Fiqhiyyah 'Ala Mazhab al-Imam as-Syafi'ie*, Syeikh Khalid 'Abdullah as-Syaqafah, cet. Darus Salam, Mesir (1989)
11. *Sabil al-Muhtadin*, Syeikh Muhammad arsyad al-Banjari, cet. Thinkers Library Sdn. Bhd., Selangor (1989).
12. *Raudahtu at-Thalibin*, Imam an-Nawawi, jil. 2, cet. Darul-Fikri, Beirut (1995)
13. *Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi,* Imam an-Nawawi, cet. Muassasah al-Mukhtar, Mesir (2001).
14. *Mughni al-Muhtaj*, Syeikh al-Imam Syamsuddin Muhammad bin al-Khatib asy-Syirbini, jil. 1, cet. Darul Fikri, Beirut (2001).